Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)

Headline : Kampung Tengah meriah dengan program agihan bubur lambuk

Date : 26 April 2022

Page : 4

# Kampung Tengah meriah dengan program agihan bubur lambuk

**SRI AMAN:** Sebanyak 600 bungkus bubur lambuk berjaya diagihkan kepada penduduk bersempena dengan Program Agihan Bubur Lambuk di Masjid Lama Kampung Tengah di sini, kelmarin.

Terdahulu program berkenaan adalah anjuran bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Lama (MASLA) bersempena Ramadan.

Program disusuli dengan acara khatam al-Quran yang juga diadakan setiap kali Ramadan.

Dalam pada itu, program diserikan lagi dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lingga Dayang Noorazah Awang Sohor yang turut mengagihkan bubur sambil beramah mesra bersama penduduk.



**JUADAH BERBUKA PUASA:** Dayang Noorazah (kiri) menyampaikan bungkusan bubur lambuk kepada penduduk di Kampung Tengah, kelmarin.